

04/01/2001

PP pertajam sengat serangan

Anuar Asmadi

PULAU PINANG menyerapkan tiga pemain "import" bagi menambah sengat barisannya di samping memberi rangsangan kepada pemain tempatan meningkatkan prestasi.

Sebagai skuad elit, Pulau Pinang sudah tidak mampu lagi berada dalam keadaan yo-yo di samping mengelamun mimpi ngeri.

Jurulatih Irfan Bakti mengakui dia memerlukan pemain kental untuk menghindari mimpi buruk musim lalu - menjadi naib juara Piala FA dan Perdana Satu tetapi kecundang di pusingan awal Piala Malaysia.

Pemain luar yang diserap itu ialah Mohd Noor Derus dari Perak, S Sutesh (Johor), dan Yaakob Ariff (Tentera).

Mohd Noor dan Sutesh akan menguatkan bahagian tengah, manakala Yaakob pula akan menumpukan bahagian serangan.

Menurut Irfan, penyerang utama Hasmawi Hassan akan mempunyai gandingan mantap dengan kehadiran Yaakob.

"Namun Mohd Noor juga boleh diserapkan di bahagian serangan jika terdesak," kata Irfan.

Walau apapun, kata Irfan semuanya bergantung kepada situasi dan pasukan lawan yang dihadapi.

Dua pemain remaja yang belum mempunyai pengalaman luas dalam Liga Perdana Satu - Samuel Raj dan Mahathir Mohamad - juga dicalonkan untuk bahagian serangan.

Walau apapun seperti kata Pengurus Pasukan, Datuk Zain Omar, pintu Pulau Pinang masih terbuka.

"Kami masih memberi peluang kepada sesiapa yang berminat untuk mewakili negeri ini," katanya.

Skuad Pulau Pinang: Penjaga gol - Kamarulzaman Hassan, Ramzi Razuwan, Megat Amir Faizal. Pertahanan - Chee Wan Hoe, Rahim Hassan, K Karunakaran, Yong Woon Seang, S Nanthakumar, Fauzi Soh.

Tengah - Moey Kok Hong, R Sureshkumar, Ooi Hoe Guan, Nordin Khamis, Ng Kok Heng, Wong Kah Loon, S Sutesh, Mohd Noor Derus, Zailani Jaafar.

Penyerang - Hasmawi Hassan, Yaakob Ariff, Samuel Raj, dan Mahathir Mohamad.

(END)